



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

STATUS LAPORAN EIA “*The Proposed Reclamation & Dredging Works For The Penang South Reclamation (PSR)*” Oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang

27 APRIL 2023, PUTRAJAYA –

Berhubung status laporan EIA Projek Penebusgunaan Tanah di Pulau Pinang Selatan, penggerak projek ini adalah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Rakan Pelaksana Projek tersebut adalah SRS Consortium Sdn.Bhd (usaha bersama antara Gamuda Berhad, Loh Phoy Yen Holdings dan Ideal Property Development Sdn. Bhd.). Jururunding EIA yang dilantik adalah Dr. Nik & Associates Sdn Bhd (DNA).

Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah meluluskan Laporan EIA seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 manakala kelulusan projek adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri. JAS telah membuat penilaian dari segi impak alam sekitar (magnitud dan tahap signifikannya) serta cadangan langkah-langkah mitigasi dan kawalan pencemaran dengan mengambil kira semua input daripada panel penilai dan orang awam supaya projek ini mendatangkan manfaat dan kesejahteraan kepada rakyat khususnya di negeri Pulau Pinang.

Laporan EIA bertarikh 29 April 2022 tersebut telah dipamerkan untuk ulasan awam bermula 20 Mei 2022 – 18 Jun 2022 secara hibrid. Pameran secara fizikal diadakan di empat (4) pejabat utama iaitu Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat, Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan Permatang Damar Laut. Pameran Laporan EIA juga dilaksanakan secara online di FB, Instagram, laman web dan Environmental Knowledge Management Center (EKMC) JAS.

Hasil daripada pameran awam tersebut, 3,464 ulasan awam telah direkodkan dan 93% daripada responden tersebut memberikan ulasan yang positif seperti dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas, mewujudkan peluang pekerjaan baharu, pembangunan ekonomi dan faedah kepada nelayan.

JAS turut mengarahkan Penggerak Projek untuk melaksanakan pameran awam kali kedua semasa penerimaan Laporan EIA (Revision No.2) iaitu bagi tempoh 21 November 2022 sehingga 4 Januari 2023. Sebanyak 799 ulasan orang awam telah diterima sepanjang tempoh pameran awam tersebut dan 73.7% daripada responden yang diterima telah memberi ulasan yang positif terhadap cadangan pembangunan projek tersebut.

JAS telah mengadakan mesyuarat jawatankuasa teknikal iaitu Technical Review Committee (EIATRC) bagi mengkaji dan membincangkan Laporan EIA tersebut pada 28 Jun 2022, 4 Oktober 2022, 15 Disember 2022 dan 21 Mac 2023 yang dihadiri oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, agensi-agensi kerajaan di peringkat Negeri dan Persekutuan, pakar-pakar iaitu *appointed individual* mengikut bidang kepakaran masing-masing dan jururunding EIA.

Surat kelulusan Laporan EIA bagi cadangan projek tersebut telah ditandatangani pada 11 April 2023 beserta dengan 71 Syarat-syarat Kelulusan Laporan EIA yang perlu dipatuhi oleh Penggerak Projek. Setelah projek diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (agensi pelulus projek), pelaksanaan projek tidak boleh dimulakan di tapak sehingga Penggerak Projek menyediakan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (Environmental Management Plan) dan dipersetujui oleh JAS terlebih dahulu. JAS juga telah menarik perhatian pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memastikan pelaksana projek memberi perhatian serius terhadap *residual impact* dan melaksanakan semua langkah mitigasi dan kawalan pencemaran tanpa gagal dengan nasihat teknikal jabatan-jabatan berkaitan termasuk Jabatan Perikanan Malaysia.

-TAMAT-

WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia
Dikeluarkan pada 27 April 2023

